



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتِنِ هَالِ اَلْاِمْلَاكِ اَلْاِسْلَامِيَّةِ سَابَاہِ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

25 ZULHIJAH 1444H/ 14 JULAI 2023M

### PERPADUAN TERAS MALAYSIA MADANI

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Pejabat Mufti Negeri Sabah

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

#### KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 13/07/23

PEGAWAI PENYEMAK : ADAM BIN AEDUL HAI

Unit Baitul Hikmah  
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

#### KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 13/07/2023

DIBACA PADA : 14/07/2023

DILULUSKAN OLEH : BOLEH ARUDIN H. ALWI

Ketua Perolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**KHUTBAH JUMAAT**  
**PERPADUAN TERAS MALAYSIA MADANI**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ (الحجرات (49): 13)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيَّ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ

الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ

يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat Yang Dimuliakan Allah SWT,**

Saya menyeru dan berpesan kepada sidang jemaah sekalian agar kita bersama- sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dalam diri

kita dengan menghayati seluruh Syariat Islam di dalam kehidupan di samping taat mengerjakan segala yang diperintahkan dan menghindari segala larangan-Nya.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Perpaduan Teras Malaysia Madani”**

**Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Sama ada kita sedar atau tidak, kita bakal memasuki Tahun Baharu 1445 Hijriah dalam beberapa hari sahaja lagi. Tahun hijrah merupakan tarikh yang amat penting kerana ia telah memahat sejarah agung perjuangan Rasulullah SAW di peringkat awal Islam. Hijrah juga menjadi lambang perubahan dan memberi makna yang cukup besar kepada pembangunan tamadun umat Islam. Maal Hijrah yang saban tahun kita sambut dan raikan sebenarnya perlu difahami dan dihayati agar dapat memenuhi tuntutan serta mengambil iktibar daripadanya.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Seluruh umat manusia merupakan satu keluarga besar yang berasal daripada pasangan Nabi Adam AS dan Hawwa' AS. Hasil daripada itu, berkembang biaklah zuriat keturunan mereka ke seluruh pelusuk dunia yang membentuk pelbagai bangsa, budaya, warna kulit dan bahasa.

Kewujudan kepelbagaian dalam kalangan umat manusia juga bertujuan supaya manusia itu saling berkenalan antara satu sama lain dan saling melengkapi. Sebagaimana mukadimah khutbah tadi yang dimulakan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا  
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ (١٣)

**Maksudnya:** “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT,**

Perpaduan adalah lambang keutuhan dan kekuatan. Ia juga lambang kedamaian dan keharmonian. Dalam al-Quran kita boleh dapati banyak ayat yang menyarankan supaya kita bersatu dan bersaudara. Antaranya Allah berfirman dalam surah al-Hujurat, ayat 10 yang bermaksud: “Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.

Demi mengekalkan hubungan persaudaraan yang erat dan kukuh ini maka al-Quran menganjurkan supaya dilakukan usaha-usaha perdamaian dan Islah sekiranya ada tanda-tanda bahawa hubungan persaudaraan tersebut

akan hancur dan musnah atau sekurang-kurangnya telah mula menunjukkan tanda-tanda ia mulai retak. Dalam pada itu, Allah memberi amaran kepada kita semua supaya jangan berpecah belah kerana ia boleh meleraikan ikatan persaudaraan dan kekuatan kita. Allah berfirman dalam surah Ali-Imran ayat 105:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ (١٠٥)

**Yang bermaksud:** *“Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah bercerai-berai dan berselisihan (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah), dan mereka yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa yang besar.”*

Ayat ini menjelaskan betapa pentingnya peranan umat Islam untuk saling membantu dan menyokong agenda membina keutuhan dan kesatuan ummah. Kita wajib mengutamakan keutuhan umat daripada kepentingan diri sendiri. Wajib menjauhi perkara yang mencetuskan permusuhan dan perpecahan dalam hidup bermasyarakat. Sesungguhnya perpaduan menjadikan kita kuat sedangkan perpecahan membuat kita lemah dan mudah dipatahkan pihak lawan. Umat yang bersatu walaupun jumlahnya kecil pasti akan kuat. Sebaliknya umat yang banyak tetapi selalu berselisih amat mudah dikalahkan lawan. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 249:

... كَم مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةً بِإِذْنِ اللَّهِ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ (٢٣٩)

**Maksudnya:** “...Berapa banyak terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak dengan izin Allah. Dan Allah beserta orang-orang yang sabar.”

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Kerajaan telah menghasilkan kerangka Malaysia Madani melalui konsep perpaduan dalam kepelbagaian dengan fokus utama iaitu kebudayaan dan kemasyarakatan. Beberapa program telah diperkenalkan antaranya program Kembara Perpaduan Malaysia Madani bermatlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha kerajaan dalam membangunkan Negara Malaysia yang berpaksikan kepada objektif dan teras dasar perpaduan negara iaitu pertama patriotisme dan demokrasi, kedua identiti nasional dan ekosistem perpaduan, dan yang ketiga melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak

Justeru dalam mengukuhkan dasar Malaysia Madani, perpaduan merupakan aset paling penting dalam memperkukuh kedaulatan dan keamanan negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Tanpa semangat perpaduan dalam masyarakat majmuk, sesebuah negara mudah terdedah dengan ancaman musuh dari luar atau dari dalam negara sendiri.

Selain daripada itu, elemen nilai hormat perlu ada dalam setiap diri warganegara Malaysia. Saling menghormati dan lebih memahami, dapat mengukuhkan ikatan persaudaraan sesama kita.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Usaha membangun Malaysia Madani memerlukan tapak asas yang kukuh iaitu kerjasama serta perpaduan yang dijana dari peringkat rakyat hinggalah kepada pucuk pimpinan. Perbezaan yang wujud dalam kemajmukan masyarakat hendaklah dimanfaatkan dengan sebaiknya di samping menjana idea dan tenaga bagi memastikan kerangka yang disusun dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Tanpa perpaduan, adalah sangat sukar untuk melaksanakan segala kerangka, visi dan misi yang diperkenalkan. Bersempena **Sambutan Maal Hijrah 1445H** dengan tema '**Perpaduan Teras Malaysia Madani**', marilah kita semua bersama-sama menggembeleng idea dan tenaga dengan mengeneipkan perbezaan politik dan pendapat, demi menjayakan hasrat murni ini dalam membangun dasar Malaysia Madani.

Menyimpul khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan;

**Pertama:** Kerangka MADANI yang dicetuskan, memerlukan kepada komitmen dan usahasama seluruh anggota masyarakat yang perlu dimulai dengan mempertahankan perpaduan dan nilai-nilai murni yang lain.

**Kedua:** Umat Islam hendaklah menyedari bahawa perpaduan adalah asas kepada kesatuan ummah dan merupakan aset paling penting dalam mengukuhkan dasar Malaysia Madani.

**Ketiga:** Umat Islam hendaklah menyedari bahawa hijrah memerlukan pengorbanan dan usaha yang berterusan.

Firman Allah SWT:

...إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ...

**Maksudnya:** "...Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri..."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ  
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى  
مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ  
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ  
الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tel: 088-522142 / [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com)